

# Keanggotaan diteruskan jika D-8 beri manfaat

UM - 13/5/2006

Daripada ISMAIL DAUD

**BALI** 12 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakui Pertubuhan Lapan Negara Membangun (D-8) sedang menghadapi pelbagai masalah tetapi menegaskan, Malaysia masih bersedia untuk meneruskan keanggotaannya jika ia membawa manfaat.

Menurutnya, Malaysia akan mengambil pendekatan terbuka iaitu dengan mendengar terlebih dahulu laporan daripada menteri-menteri luar dalam sidang kemuncak kumpulan itu esok bagi melihat sejauh mana D-8 boleh dibawa ke hadapan.

"Kita akan bawa berbincang. Saya tidak mahu kata apa-apa pada waktu ini. Kita belum mula bincang lagi...nanti kalau keluar dalam surat khabar, mereka menganggap saya hendak menggunakan media untuk mempengaruhi keputusan.

"Kita hendak tahu apakah tindakan-tindakan yang akan diambil. Sudah semestinya kita ingin mendapat laporan sepenuhnya hasil mesyuarat menteri luar. Kalau ada kebaikan, tentulah kita mahu teruskan dan kalau ada masalah, kita kena buat keputusan yang wajar berkaitan D-8 ini," katanya kepada wartawan Malaysia, di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono dan Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz sempena Sidang Kemuncak D-8 esok.

Selain Malaysia, Indonesia dan Pakistan, D-8 juga dianggotai oleh Iran, Bangladesh, Turki, Mesir dan Nigeria.

Abdullah berkata, masalah D-8 kerana tidak mendapat restu daripada sebahagian negara dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menganggap mereka lebih mampu dan layak untuk menyertai kumpulan tersebut.

Katanya, walaupun negara D-8 juga adalah negara OIC tetapi kumpulan yang tercetus hasil idea bekas Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan itu

diwujudkan bersendirian dan tidak terletak di bawah OIC.

"Kerana itulah, keanggotaan D-8 tidak berubah dan perkara ini juga boleh dibincangkan (dalam sidang kemuncak esok)," katanya.

Beliau juga memberitahu, Malaysia tidak berminat untuk menjadi Setiausaha Agung atau memegang sebarang jawatan dalam kumpulan itu pada waktu ini walaupun terdapat cadangan supaya Sekretariat D-8 diperkukuhkan.

Mengulas pertemuannya dengan Susilo, Perdana Menteri berkata, beliau berbincang mengenai perjanjian yang akan ditandatangani antara kedua-dua kerajaan berhubung pekerja Indonesia di Malaysia.

Katanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad sudah berada di sini untuk memperhalusi beberapa perkara lagi dengan rakan sejawatannya dari Indonesia sebelum perjanjian itu boleh ditandatangani.

Selain itu, katanya, mereka juga membincangkan soal hubungan dua hala dan perdagangan yang semakin kukuh terutama tindakan susulan selepas Sidang Kemuncak Dua Hala kedua-dua negara yang diadakan di Bukit Tinggi, Indonesia.

Katanya, beliau menyatakan kepada Susilo tentang hasratnya untuk bertemu dengan Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad untuk mengetahui kedudukan sebenar dan terkini program nuklear negara tersebut memandangkan pemimpin Iran itu sedang mengadakan lawatan rasmi ke Indonesia.


Mengenai Pakistan, Abdullah berkata, Shaukat menyatakan minat untuk menghantar lebih ramai pekerjaanya ke Malaysia dan Malaysia pula menyatakan bahawa pekerja Pakistan sudah pun dibawa masuk dalam satu jumlah yang agak besar.

Katanya, Perdana Menteri Pakistan itu juga mengundangnya untuk melawat negara itu sambil merasmikan satu persidangan berkaitan membina keupayaan selaku Pengerusi OIC.

- Utusan

Malaysia akan mendengar laporan daripada menteri-menteri luar dalam Sidang Kemuncak D-8 esok bagi melihat sejauh mana kumpulan itu boleh dibawa ke hadapan

ABDULLAH AHMAD BADAWI Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut rakan sejawatannya, Susilo Bambang Yudhoyono pada pertemuan sempena Sidang Kemuncak Kelima Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8) di Nusa Dua, Bali, semalam.

- AFP